

05/07/1998

Jagalah harta kita dengan baik

A Nazri Abdullah

KALI pertama menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, (KLIA) di Sepang, terasa betapa bangganya kita memiliki sebuah lapangan terbang yang cantik dan moden. Walaupun berlaku sedikit kelam kabut pada hari pertama operasinya kerana masalah komputer dan telekomunikasi, kecacatan itu tidak seharusnya diperbesarkan hingga menghilangkan kecantikan KLIA. Sebagai lapangan terbang yang termoden dan terancang di dunia, tentulah permulaannya banyak gangguan kerana teknologi yang digunakan semuanya yang terbaru.

Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di malam perasmianya, KLIA bukan saja termoden malah termurah. Kalau KLIA baru hendak dibina sekarang harganya tentulah berlipat kali ganda. Jadi perancangan awal KLIA dan disiapkan dalam tempoh yang lebih cepat tentulah menjimatkan perbelanjaan negara. Walaupun ia dikategorikan sebagai projek mega, pastinya KLIA bukanlah projek mewah tetapi satu kemudahan yang amat diperlukan oleh negara bagi menggantikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz yang tidak mampu menampung pertambahan pesawat dan penumpang. Penumpang yang beberapa kali terpaksa turun di terminal kargo atau di hangar MAS, dan terpaksa pula beratur panjang di kaunter imigresen hingga terlewat menghadiri mesyuarat dan temu janji, tentulah menghargai betapa selesanya KLIA.

Minggu depan Dr Mahathir akan merasmikan pula Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, satu kompleks yang serba lengkap dengan kemudahan sukan yang terancang dan termoden. Dengan reka bentuknya menarik, kompleks yang bakal mempamerkan kehebatan Sukan Komanwel 1998 ini meletakkan negara setanding dengan negara maju dari segi infrastruktur sukan. Dan sebelum berakhirnya tahun ini, sebuah lagi kompleks yang terancang iaitu Panggung Negara yang berharga hampir RM200 juta akan dirasmikan.

Menjelang tibanya alaf 21, Malaysia bukan saja mempunyai lapangan terbang yang termoden, kompleks sukan yang termoden dan Panggung Negara yang tercantik, malah beberapa infrastruktur lain seperti LRT, ERL dan sebagainya akan siap. Semua kemudahan ini akan menjadi sia-sia jika kita tidak tahu menggunakannya secara yang memanfaatkan. Kecantikan KLIA dengan lantai marmarnya akan hilang jika pengurus dan pengguna tidak menghormati kebersihan. Semua pihak yang berurusan di KLIA mestilah menggunakannya dengan penuh disiplin. Pelbagai peraturan dibuat bukanlah untuk menyusahkan pengguna, tetapi untuk memudahkan di samping memelihara kebersihan KLIA. KLIA adalah milik rakyat Malaysia jadi semua kita mestilah menjaganya.

Begitu juga dengan kompleks sukan. Kemudahan yang terancang tidak memberi apa-apa makna jika persatuan sukan kita masih berkecamuk dan mutu sukan kita masih tercorot. Apa gunanya mempunyai stadium bola, hoki dan kolam renang yang termoden jika ahli sukan kita tidak memiliki semangat juang yang tinggi. Kerajaan sudah menyediakan pelbagai kemudahan jadi terserahlah kepada pendukung sukan dan ahli sukan untuk meningkatkan mutu sukan negara. Stadium bola yang boleh menampung 100,000 penonton akan menjadi lengang jika mutu bola sepak kita masih bertaraf kampung.

Dua puluh tahun lalu, Malaysia adalah jaguh bola sepak di Asia hingga kita pernah ke Olimpik. Setiap kali Pesta Piala Merdeka, pasukan kita dengan mudah menewaskan Arab Saudi, Korea Selatan, Iran dan Jepun. Malaysia dengan jaguh bola sepaknya seperti Mokhtar Dahari, Soh Chin Aun, Santokh Singh, Syed Ahmad, Shukor Salleh, Shaharuddin Abdullah dan

beberapa lagi adalah nama-nama yang digeruni oleh pasukan lawan. Tapi apa sudah jadi sekarang. Ketika Korea Selatan, Arab Saudi, Jepun dan Iran beraksi di France 98, pasukan kita dikalahkan oleh pasukan Laos di Sukan Sea. Begitu juga dengan mutu sukan yang lain, kemajuannya hampir tidak ada.

Kita harap Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik sudah mempunyai program yang kemas untuk memeriahkan Panggung Negara dengan teater tempatan yang bermutu. Kalau panggungnya RM200 juta, tentulah tidak kena jika teaternya berharga RM150,000. Persembahan teater bukan untuk seminggu dua, tetapi berbulan malah bertahun lamanya. Walaupun kita tidak mengharapkan teater kita akan berkembang dan popular seperti di Broadway atau East London, sekurang-kurangnya biarlah usia sesebuah persembahan itu melebihi dua tiga bulan. Kita sudah mempunyai ramai penggiat teater cuma yang diperlukan ialah sokongan semua pihak, khususnya kerajaan dan swasta.

Kita sudah mempunyai infrastruktur yang cukup untuk terus maju, cuma yang barangkali kurang ialah semangat dan komitmen kita. Kulitnya sudah cantik, jadi sekarang adalah tugas kita semua untuk menyediakan isinya. Isinya mestilah manis, sedap dan mengharumkan kerana yang penting bukan kulit tetapi isinya. Dengan kemudahan sukan dan seni yang lengkap, maka tidak ada apa-apa alasan lagi mengapa mutu sukan dan seni kita tidak boleh ditingkatkan.

(END)